

corakkan semula pertanian negara

KUALA LUMPUR 10 Sept - Kerajaan akan mencorak semula sektor pertanian negara untuk menjadikan sektor ini jentera ketiga pertumbuhan ekonomi selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dasar ini mempunyai dua objektif iaitu menambah pendapatan di samping mengurangkan penggantungan kepada import, terutamanya barangan makanan," katanya ketika membentangkan Bajet 2005 di Parlimen di sini hari ini.

Katanya, negara masih belum meneroka sepenuhnya potensi pengeluaran produk makanan memandangkan import barangan makanan mencecah RM13.9 bilion pada 2003.

Katanya, hala tuju kerajaan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pengeluar global yang kompetitif bagi produk pertanian berkualiti tinggi, selamat dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Katanya tumpuan akan diberi kepada:

- mengamalkan kaedah pertanian terkini melalui aplikasi teknologi moden dan penemuan R & D, termasuk bioteknologi;

- menjadikan negara sebagai pusat pemrosesan, pembungkusan dan pemasaran hasil pertanian ke pasaran global;

- membangunkan sumber tenaga mahir dengan menjadikan Universiti Putra Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan pertanian; dan

- menggalakkan syarikat swasta terutamanya GLC, untuk menjadi pemangkin dalam usaha mengkomersialkan sektor ini. Bagi tujuan ini kerajaan akan mewujudkan satu dana bernilai RM300 juta sebagai bantuan modal.

Abdullah berkata sebanyak RM1.5 bilion akan disediakan untuk projek pertanian khususnya yang memberi manfaat kepada pekebun kecil.

"Pembangunan sektor pekebun kecil akan dipesatkan melalui pemodenan serta penggunaan teknologi dan penguurusan lebih cekap," katanya.

Kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif cukai untuk memoden dan mengkomersial-

kan sektor pertanian dalam Bajet 2005 ini dan di antaranya adalah memberi potongan 100 peratus terhadap perbelanjaan modal, taraf perintis atau elaun cukai pelaburan selama lima tahun dan elaun pelaburan semula selama 15 tahun.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, berkata, kerajaan akan melanjutkan tempoh lima tahun lagi, sehingga 2010, insentif cukai bagi menggalakkan pengeluaran bahan makanan seperti sayur-sayuran, akuakultur dan ternakan lembu dan kambing.

"Bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga buruh dan meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan di sektor pertanian termasuk perladangan, kerajaan mencadangkan supaya tempoh menghapus kira perbelanjaan modal ke atas jentera dan peralatan yang digunakan di sektor pertanian dipendekkan daripada di antara empat dan lapan tahun kepada dua tahun," katanya.

Potongan

Dalam membangunkan produk halal, katanya, kerajaan akan memberi potongan dua kali kepada pengeluar produk halal terhadap perbelanjaan yang dilakukan untuk mematuhi standard bagi memperoleh sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

"Untuk menggalakkan pelaburan baru dan meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan moden serta canggih, kerajaan mencadangkan supaya elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus diberi kepada syarikat pengeluar makanan halal bagi tempoh lima tahun," kata Abdullah.

Kerajaan juga akan mewujudkan Dana Khas Pembangunan dan Promosi Produk Halal dengan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membantu membiayai kajian perancangan perniagaan, pembangunan teknologi dan pasaran serta meningkatkan produktiviti dan kualiti untuk memperoleh persijilan antarabangsa dan Pembangunan pasaran eksport. — Bernama